

**PENGARUH ISLAM DALAM EKONOMI MELAYU
TRADISIONAL PERAK SEBELUM PENJAJAHAN BRITISH
(KURUN KE-16 – 19 MASIH)**

*Islamic Influence in The Economy Aspect of The
Perak Malay Before British Colonisation (16th – 19th Century)*

SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF

*Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia.*

Penulis penghubung: snhafizah@usm.my

Dihantar/Received: 21 Januari 2023 | Penambahbaikan/Revised: 13 Mac 2023

Diterima/Accepted: 17 Mei 2023 | Terbit/Published: 26 Jun 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v34i1.4473>

Abstrak Artikel ini membincangkan pengaruh Islam dalam aspek ekonomi masyarakat Melayu Perak sebelum penjajahan British. Perbincangan ini adalah berdasarkan kepada teks-teks undang-undang Melayu *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dan *Undang-Undang Minangkabau*. Walaupun pengaruh Islam dalam teks-teks undang-undang Melayu tradisional telah dibincangkan secara meluas dalam penulisan sebelum ini, tetapi perincian perbincangannya tertumpu kepada pengaruh Islam dalam aspek politik dan sosiobudaya (adat). Hal ini mungkin kerana sebahagian besar daripada teks undang-undang tersebut menumpukan aspek pentadbiran (susur galur sultan, tugas dan tanggungjawab sultan dalam pentadbiran, tugas pembesar-pembesar), sosiobudaya (misalnya nikah, cerai, berhutang, kesalahan jenayah sivil (misalnya mencuri dan membunuh) dan perlanggaran terhadap ajaran Islam (seperti tidak solat, tidak berpuasa dan berzina)). Keadaan ini menimbulkan persoalan, adakah teks undang-undang Melayu tradisional yang dipengaruhi oleh elemen Islam tidak merangkumi aspek ekonomi masyarakat Melayu tradisional. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaruh Islam dalam aspek ekonomi masyarakat Melayu tradisional berdasarkan peruntukan-peruntukan berkaitan tanah yang ada dalam teks Undang-Undang Melayu tradisional. Hal ini demikian kerana peruntukan-peruntukan berkaitan tanah amat berkait rapat dengan aktiviti pertanian yang merupakan aktiviti ekonomi utama masyarakat Melayu. Ringkasnya, pengaruh Islam dalam teks undang-undang Melayu tradisional turut merangkumi aspek ekonomi masyarakat Melayu. Hal ini

dibuktikan melalui kewujudan fasal-fasal khusus tertentu dalam teks-teks undang-undang ini yang berkaitan aspek ekonomi Melayu tradisional iaitu pertanian yang jelas bertepatan dengan muamalat Islam. Penulisan artikel ini menggunakan kaedah sejarah yang berasaskan kepada kaedah analisis teks. Sumber primer yang dirujuk bagi perbincangan pengaruh Islam dalam aspek ekonomi ini ialah teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* (versi J. Rigby) dan *Undang-Undang Minangkabau* (versi Maxwell) yang merupakan teks undang-undang penting Perak.

Kata kunci: *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak, Undang-Undang Minangkabau* (Undang-Undang Dua Belas), pengaruh Islam, ekonomi Perak, Melayu tradisional.

Abstract This article discusses the Islamic influence on the economy aspect of the Malay in Perak prior the British colonisation based on the old Malay legal digests. Although Islamic influence in the traditional Malay legal digests were widely discussed in the previous writings, the details of the discussion focused on the Islamic influence on political aspect and sociocultural (customs). This is probably because Malay legal digests more focused on administration aspects (sultanate lineage, responsibilities and duties of the sultan in administration, ministers' tasks), sociocultural (for example, marriage, divorce, debt, criminal offence (for example stealing and killing) and violation of Islamic teachings (such as, fail to perform prayer, didn't fast and adultery). The situation raised a question of whether traditional Malay legal digests influenced by Islamic elements did not include the traditional Malay economic aspects. Thus, this study aims to examine the influence of Islam on the economic aspects of the Malay community based on the clauses related to land in the text of traditional Malay Law. This is because the clauses related to land are closely related to agricultural activities which are the main economy activities of the Malay community. In short, Islamic influence in the traditional Malay legal digests also included the economic aspects of the Malay. This can be proven through the existing of specific clauses in legal digests related to economy aspects of the Malay Traditional such as farming that clearly accord with Islamic muamalat. This article writing uses historical method that is text analysis. The primary resources referred to in this discussion on Islamic influence

in economic aspects are *The Ninety-Nine Laws of Perak* (*J. Rigby version*) and *Minangkabau Law* (*Undang-Undang Dua Belas*) (*Maxwell version*) which were two important legal digests in Perak.

Keywords: *The Ninety-Nine Laws of Perak, Minangkabau Legal Digest, (Undang-Undang Dua Belas), Islamic influence, Perak economy, Malay traditional.*

PENDAHULUAN

Teks undang-undang Melayu tradisional telah digunakan secara meluas dalam kalangan ahli akademik semasa membincangkan aspek pentadbiran serta sosiobudaya masyarakat Melayu tradisional. Perkara ini meliputi perundungan atau tatacara berkaitan tadbir urus negeri, iaitu berkaitan peranan serta tanggungjawab sultan dan para pembesar, tidak terkecuali juga adat-adat yang melambangkan keteraturan dan ketertiban cara hidup masyarakat Melayu tradisional. Berkaitan aspek ini juga, para pengkaji lepas seperti Jelani Harun (2003) dan Mohamad Hazizie (2020) bersetuju bahawa teks-teks undang-undang Melayu tradisional ini, khususnya teks undang-undang misalnya *Hukum Kanun Melaka*, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan*, *Undang-Undang Minangkabau*, *Hukum Kanun Pahang* dan *Undang-Undang Kedah* menonjolkan pengaruh Islam yang sangat signifikan walaupun tidak dinafikan wujud campur aduk antara pengaruh Islam dan adat-adat lama. Bahkan, Haji Hairuddin menghujahkan bahawa kerajaan Melayu sebelum penaklukan Barat misalnya Kerajaan Melayu Melaka telah melaksanakan undang-undang Islam merangkumi pelbagai aspek. Perkara ini merangkumi aspek perkahwinan, jual beli, jenayah dan sistem ekonomi itu sendiri (muamalat) (Liaw dipetik dari Haji Hairuddin, 2009).

Malangnya, walaupun telah diakui bahawa pengaruh Islam dalam teks-teks undang-undang Melayu tradisional ini tidak hanya merangkumi aspek ekonomi seperti jual beli, berdagang tetapi yang lebih utama adalah pengaruh agama Islam sebenarnya turut merangkumi sistem ekonomi (muamalat) kerajaan Melayu tradisional secara keseluruhannya. Namun, aspek ini kurang diperincikan oleh kebanyakan sarjana yang menjadikan teks undang-undang ini sebagai sumber utama penulisan mereka. Misalnya di negeri Perak sebelum penjajahan, pengaruh muamalat Islam terhadap perundungan yang meliputi

aspek ekonomi tidak pernah dibincangkan secara terperinci oleh pengkaji lepas yang telah menjadikan teks undang-undang tersebut sebagai sumber utama pengkajian dan penulisan mereka. Maka, artikel ini memfokuskan perbincangan kepada pengaruh muamalat Islam terhadap perundungan berkaitan ekonomi masyarakat Melayu di negeri Perak iaitu aktiviti pertanian dan penternakan berdasarkan kepada teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* (versi J. Rigby) dan *Undang-Undang Minangkabau* (Undang-Undang Dua Belas) (versi Maxwell). Pemilihan teks undang-undang ini juga adalah kerana kedua-duanya merupakan sumber penting yang menjadi asas kepada pelaksanaan undang-undang Islam atau hukum syarak di negeri Perak iaitu dalam hal ehwal agama dan adat istiadat orang Melayu (Hasnan Kasan, 2006; Haji Hairuddin, 2009).¹ Pemilihan skop masa perbincangan bermula pada kurun ke-16 kerana kedua-dua undang-undang ini dibawa masuk ke Perak pada kurun ini. Skop penulisan berakhir pada kurun ke-19 pula adalah kerana berlaku penjajahan British di Perak pada kurun tersebut iaitu pada tahun 1874 melalui Perjanjian Pangkor.

LATAR BELAKANG *UNDANG-UNDANG SEMBILAN PULUH SEMBILAN PERAK DAN UNDANG-UNDANG MINANGKABAU (UNDANG-UNDANG DUA BELAS)*

Kedua-dua teks undang-undang Melayu tradisional Perak iaitu *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dan *Undang-Undang Minangkabau* (Undang-Undang Dua Belas) masing-masing dihujahkan dibawa masuk dari luar. *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* misalnya, dibawa masuk ke Perak oleh Sayyid Hussein al-Faradz Jamalullail yang berasal dari Hadramaut, Arab (lihat bahagian pengenalan, bahagian II, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dalam Wilkinson, 1929; Winstedt, 1958)² pada kurun ke-16 Masihi.³ Secara keseluruhan, teks undang-undang ini mempunyai 99 fasal. Maka, atas sebab inilah teks undang-undang ini dinamakan sebagai *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*. *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan* ini jelas menjadikan undang-undang Islam sebagai asasnya dan dianggap cukup lengkap untuk dijadikan sebagai rujukan atau panduan penting kepada seseorang pemerintah yang beragama Islam untuk melaksanakan pentadbiran secara cekap dan menurut sistem pentadbiran undang-undang Islam (Haji Hairuddin, 2009).

Undang-Undang Minangkabau (*Undang-Undang Dua Belas*) pula dikatakan dibawa masuk dari Minangkabau ke Perak oleh Sultan Perak sendiri iaitu Sultan Ahmad Tajuddin (1577-1584) (Winstedt, 1953; Jelani Harun, 2003). *Undang-Undang Minangkabau* ini kemudiannya telah diterbitkan oleh JMBRAS (1953) dengan judul *An Old Minangkabau Legal Digest from Perak* hasil usaha Winstedt. Merujuk kepada Sultan Ahmad Tajuddin sebagai individu yang bertanggungjawab membawa masuk undang-undang ini ke Perak, maka dapat dihujahkan bahawa permulaan kewujudan kedua-dua teks undang ini di Perak bermula pada kurun yang sama dan di bawah pentadbiran sultan yang sama. Berbanding *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang hanya mempunyai 99 fasal, *Undang-Undang Minangkabau* ini mempunyai 132 bahagian atau fasal yang merangkumi pelbagai peraturan dan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan tertentu seperti yang dicatatkan dalam teks tersebut. Menariknya, walaupun berasal daripada Minangkabau, undang-undang ini tidaklah bersifat matriarki yang keterlaluan. Sebaliknya, bagi memastikan perundangan ini dapat diterima di Perak, undang-undang ini telah diubah suai mengikut keadaan politik dan budaya Perak supaya sesuai dengan pengamalan sistem Perak yang bersifat patriarki (Winstedt, 1953). Hal ini membuktikan bahawa tek-teks undang-undang Melayu tradisional tidaklah bersifat pegun. Sebaliknya, teks undang-undang tersebut akan disesuaikan mengikut keadaan politik dan sosial tempatan. Namun, penambahan atau pengubabsuaian terhadap teks undang-undang ini tidaklah dilakukan secara melulu tanpa sebarang perbincangan rapi antara sultan dan para pembesarnya dan pelbagai golongan yang berkaitan. Misalnya di Kedah, dalam menyusun peraturan dan perundangan negeri, ada dinyatakan bahawa asal usul penulisan undang-undang dan peraturan Kedah bermula apabila Sultan Kedah iaitu Sultan Rijaluddin Muhammad Syah telah menjemput para pembesar, hukama, ahli adat istiadat dan pelbagai golongan yang berkaitan untuk membentuk suatu perundangan yang akan diguna pakai dalam pentadbiran negeri (Jelani *et al.*, 2021). Walaupun perkara seperti ini tidak dinyatakan dalam teks undang-undang Perak, sama ada *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* mahupun *Undang-Undang Minangkabau* (*Undang-Undang Dua Belas*), tetapi kehadiran kedua-dua teks undang ini di Perak sudah tentu tidak diterima bulat-bulat oleh sultan dan para pembesarnya tanpa terlebih dahulu diadaptasikan dengan budaya dan amalan sosial tempatan.⁴

TEKS *UNDANG-UNDANG SEMBILAN PULUH SEMBILAN PERAK* DAN *UNDANG-UNDANG MINANGKABAU* DALAM KAJIAN LEPAS

Perbincangan teks undang-undang Melayu tradisional lazimnya tertumpu kepada aspek hukum-hakam terhadap kesalahan jenayah dan undang-undang berkaitan aspek kekeluargaan. Misalnya, Winstedt (1945) dalam perbincangannya berkaitan teks-teks undang Melayu tradisional sama ada *Undang-Undang Melaka*, *Undang-Undang Kerajaan (Perak)*, *Undang-Undang Pahang* termasuklah *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* menegaskan bahawa pengaruh Islam dalam teks undang-undang Melayu tradisional dapat dilihat dari aspek hukuman terhadap kesalahan-kesalahan jenayah seperti mencuri, merompak, membunuh, kemusnahan tanaman, berzina dan aspek kekeluargaan misalnya perkahwinan, penceraian serta hak perwarisan harta sama ada akibat kematian pasangan atau bercerai. Isu-isu lain seperti hutang dan kerja-kerja upah turut mempunyai hukuman tertentu yang tidak terlepas dari pengaruh Islam walaupun bercampur aduk dengan hukum adat. Namun, Winstedt seperti pengkaji Barat yang lain lazim untuk menghukum perundangan yang ada ini sebagai sangat kejam dan bercampur aduk antara pengaruh Hindu dan pengaruh Islam. Raja dan pembesar juga dihujahkan melemahkan pelaksanaan hukuman mengikut perundangan yang ada kerana kecenderungannya memilih hukuman-hukuman yang bakal dilaksanakan dan pengaruh Hindu yang masih menebal dalam pemilihan pelaksanaan hukuman. Sungguhpun demikian, beliau mempunyai pandangan berbeza terhadap hukuman-hukuman terhadap kesalahan jenayah yang terdapat dalam teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang disifatkannya adalah sangat ringan dan tidak kejam berbanding dengan hukuman-hukuman terhadap kesalahan jenayah yang terdapat dalam teks undang-undang Melayu tradisional yang lain. Misalnya, hukuman terhadap kesalahan membunuh adalah dikenakan denda sahaja menurut *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* (Winstedt, 1945). Penulisan Winstedt (1958) adalah satu lagi penulisan Winstedt yang masih membincangkan teks-teks Melayu tradisional termasuklah *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* (Winstedt, 1958). Dalam penulisan ini pun beliau tidak menolak bahawa kebanyakan dari teks-teks Melayu tradisional termasuklah teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* masih bercirikan pengaruh Islam. Beliau turut berhujah

bahawa pengaruh Islam diterima dengan baik oleh masyarakat Melayu untuk diadaptasikan bersama-sama dengan undang-undang adat sedia ada. Namun, Winstedt menganggap, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* ini, seperti teks undang-undang Melayu tradisional yang lain, tidaklah diwartakan sebagai undang-undang negeri dan dilaksanakan di seluruh negeri. Sebaliknya, teks undang-undang ini merupakan simpanan peribadi keluarga sayyid (golongan yang menyandang jawatan *Orang Kaya Menteri Paduka Tuan*) dan hanya digunakan apabila nasihat perundangan diperlukan oleh sultan yang mentadbir *Perak* (Winstedt, 1958).

Selain daripada Winstedt (1945), Haji Hairuddin (2009) juga menumpukan perbincangannya berkaitan teks undang-undang Melayu tradisional ini dari sudut undang-undang Islam. Misalnya, Haji Hairuddin dalam membincangkan kewajaran undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia telah menjadikan teks undang-undang Melayu tradisional, termasuklah *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* sebagai rujukan dan bukti penting kepada kewujudan pengaruh Islam yang meluas dalam segenap aspek kehidupan masyarakat Melayu tradisional lama sebelum kedatangan penjajah iaitu sejak negeri-negeri Melayu ini menerima pengaruh Islam lagi.⁵ Maka, faktor sejarah pengaruh Islam yang dapat dilihat dengan jelas dalam teks-teks undang-undang Melayu tradisional tersebut dijadikan hujah bagi menyokong kewajaran agama Islam mendapat tempat dan keistimewaan yang khusus dalam Perlembagaan Malaysia. Beliau turut berhujah, aspek khusus berkaitan agama Islam dalam perlembagaan Malaysia tidak sewajarnya dipersoalkan tetapi perlu diperkasakan berdasarkan sejarah perundangan Islam yang telah sedia wujud lama sebelum penjajahan tersebut. Namun, walaupun mengakui bahawa elemen pengaruh Islam itu luas dan mencakupi pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu tradisional, sebahagian besar perbincangan beliau berkaitan teks-teks undang-undang Melayu tradisional ini hanya tertumpu kepada perundangan berkaitan kesalahan-kesalahan jenayah sama ada jenayah sivil (seperti mencuri, merompak, membunuh) dan pelanggaran terhadap suruhan agama (seperti tidak solat, minum arak, berjudi, murtad (keluar dari agama) dan sebagainya) (Hasnan Kasan, 2006).⁶ Perundangan Islam yang merangkumi aspek ekonomi pula hanya dibincangkan secara ringkas sahaja dan itupun semasa membincangkan *Hukum Kanun Kedah*

iaitu di bawah undang-undang yang berkaitan dengan pelabuhan (peraturan di pelabuhan dan tugas pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja pelabuhan) seperti yang terkandung dalam *Undang-Undang 1060 H* (1650 M) yang merupakan bahagian pertama *Hukum Kanun Kedah*.

Seterusnya, penulisan-penulisan lain yang menjadikan teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* sebagai sumber utama perbincangan adalah penulisan oleh Jelani Harun (2003) dan Suria Fadhillah *et al.* (2015). Namun, kedua-kedua penulisan ini juga tidak menjadikan aspek ekonomi Perak sebagai tumpuan utama perbincangan mereka. Penulisan Jelani Harun umpamanya, melihat teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* ini sebagai sumber penting untuk mengetahui tentang bentuk pentadbiran istana Melayu tradisional. Beliau menghujahkan bahawa isi kandungan teks undang-undang tidak sekadar menentukan undang-undang dan hukum-hakam tetapi juga merangkumi perkara-perkara utama dan penting lain khususnya berkaitan sifat, tugas dan tanggungjawab raja dan pembesar bagi memastikan keamanan dan keharmonian negeri. Dalam hal ini, hubungan raja dan para menterinya (pembesar) yang berbentuk dua hala (saling memerlukan) merupakan asas utama kepada kebesaran adab kesultanan Melayu. Ringkasnya, penulisan beliau menghujahkan bahawa kebijaksanaan dan keadilan bukan hanya perlu ada pada seseorang sultan, tetapi juga para Menteri yang menasihatinya bagi memastikan keamanan dan kemakmuran negeri. Hal ini dapat dilihat daripada ciri utama penulisan teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang berbentuk “soal-jawab” antara seorang raja dengan menterinya. Ciri inilah yang membezakan penulisan teks undang-undang ini dengan teks undang-undang Melayu tradisional yang lain. Suria Fadhillah (2015) pula melihat teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* ini dari sudut ketinggian warisan persuratan Melayu negeri Perak selain daripada bukti kewujudan sistem perundangan yang berteraskan agama Islam di negeri Perak.

Secara keseluruhannya, pengaruh Islam dalam teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* lazimnya dilihat dari aspek perundangan berkaitan hukum-hakam jenayah, aspek kekeluargaan dan pentadbiran negeri (politik). Pengaruh Islam dalam aspek ekonomi yang terkandung dalam teks tersebut walaupun diakui oleh sesetengah pengkaji yang lepas misalnya Winstedt (1945) dan Suria Fadhillah *et al.* (2015), penulisan mereka ini bersifat deskriptif ringkas tanpa sebarang analisis dan turut

hanya mewakili sebahagian kecil perbincangan sahaja. Sebagai contoh, Suria Fadhillah *et al.* (2015) hanya menumpukan kepada aspek pemilikan tanah sahaja, manakala Winstedt pula hanya menyenaraikan pengaruh perundangan Islam dalam aspek ekonomi yang merangkumi kegiatan berdagang, hak meneroka dan mengusahakan tanah serta urusan jual beli seperti timbang dan sukat.

Berkaitan dengan *Undang-Undang Minangkabau* (Undang-Undang Dua Belas), penggunaannya dalam penulisan lepas tidaklah meluas seperti *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*. Setakat ini, hanya penulisan Jelani Harun (2003) dan Haji Hairuddin (2009) yang menyebut tentang undang-undang ini secara ringkas berbanding dengan perbincangan mereka tentang *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang lebih panjang lebar. Walaupun kewujudan *Undang-Undang Minangkabau* (Undang-Undang Dua Belas) kurang mendapat tempat secara dalam kajian dan penulisan lepas, tidaklah bermakna kewujudan undang-undang ini tidak penting, terutamanya dalam membincangkan pengaruh Islam dalam aspek ekonomi masyarakat Melayu sebelum penjajahan. Walaupun ada pertikaian tentang sejauh mana kandungan teks undang-undang ini diamalkan dalam masyarakat Melayu tradisional, kewujudannya sekurang-kurangnya membuktikan adanya satu perlombagaan yang didasari oleh pengaruh Islam yang masih menjunjung tinggi hukum adat yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam (al-Quran dan hadis) yang menjadi sumber rujukan kepada masyarakat Melayu tradisional apabila timbulnya sesuatu pertikaian. Hal ini dapat membantu dalam memastikan keamanan dan keharmonian negeri dalam pelbagai aspek sama ada aspek politik, sosial mahupun ekonomi. Pengaruh Islam dalam aspek ekonomi masyarakat Melayu tradisional ini amat berkait rapat dengan prinsip muamalat dalam Islam itu sendiri.

PENGARUH MUAMALAT ISLAM TERHADAP ASPEK EKONOMI DALAM *UNDANG-UNDANG SEMBILAN PULUH SEMBILAN PERAK DAN UNDANG-UNDANG MINANGKABAU*

Muamalat dalam Islam

Secara umum, cendekiawan Islam menghujahkan hukum-hukum amali dalam syariat Islam terbahagi kepada dua bahagian, iaitu ibadat dan muamalat. Pembahagian hukum amali kepada dua bahagian ini terdapat juga dalam penulisan klasik hukum Islam, namun perkataan muamalat tidak

digunakan, sebaliknya menggunakan istilah adat. Maka, tidak hairanlah teks-teks undang tradisional Melayu banyak menggunakan perkataan adat yang turut juga membawa maksud muamalah walaupun perkataan muamalah tidak wujud dalam mana-mana teks undang-undang Melayu tradisional. Bahagian muamalah ini terdiri daripada bahagian-bahagian lain yang lebih kecil seperti perlombagaan, sivil, kekeluargaan, jenayah, ekonomi, kewangan dan tingkah laku. Aspek muamalah dalam Islam ini mempunya prinsip-prinsip yang menjadi kayu ukur kepada kegiatan tersebut (Hamidi Abdul Ghani & Nasron Yaacob, 2021). *Fathhurrahman Djamil (2013) (dipetik daripada St. Saleha Madjid, 2018)* pula menggariskan bahawa prinsip muamalah ini terbahagi kepada dua iaitu prinsip umum dan khusus. Prinsip umum adalah kebolehan dalam melakukan aspek muamalah, sama ada jual beli, sewa menyewa dan sebagainya. Prinsip kedua pula adalah atas pertimbangan membawa kebaikan bagi manusia dan menolak segala yang merosakkan. Prinsip muamalah Islam juga bukan hanya yang berasaskan kepada dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis, tetapi juga turut berasaskan kepada prinsip keseimbangan dan keadilan. Misalnya dalam aspek ekonomi, Islam mengakui hak milik individu dan hak milik umum, kebebasan dalam melaksanakan ekonomi dan kebersamaan dalam menanggung kebaikan, Namun, kepentingan peribadi tidak boleh merugikan kepentingan masyarakat dan perlu juga menjaga hubungan (*ukhuwah*) sesama masyarakat (St. Saleha Madjid, 2018). Maka, muamalah Islam iktiraf hak milik individu, kebebasan dalam melaksanakan aktiviti ekonomi namun kebebasan yang diberikan tidak boleh melanggar kepentingan masyarakat dan perlu juga menitikberatkan hubungan (*ukhuwah*) sesama masyarakat.⁷

Justeru, dapat dilihat bahawa aspek ekonomi masyarakat Melayu tradisional memenuhi prinsip-prinsip asas yang digariskan oleh muamalah Islam tersebut, iaitu walaupun masyarakat Melayu tradisional diberi kebebasan untuk menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan, tetapi wujud peraturan-peraturan asas yang perlu dipatuhi oleh bagi menjaga hubungan sesama masyarakat. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kepada beberapa fasal yang melibatkan aktiviti ekonomi masyarakat Melayu tradisional yang terdapat dalam teks undang-undang masyarakat Melayu tradisional yang ada termasuklah teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dan *Undang-Undang Minangkabau* khususnya dalam aspek pertanian dan penternakan yang merupakan antara aktiviti ekonomi utama masyarakat Melayu tradisional.

Pertanian

Dalam membincangkan pengaruh muamalat Islam dalam aspek ekonomi masyarakat Melayu sebelum penjajahan, aspek pemilikan dan guna tanah merupakan perkara penting yang wajar diberi perhatian. Hal ini demikian kerana tanah merupakan perkara yang berkait secara langsung dengan ekonomi masyarakat Melayu yang rata-ratanya terlibat dengan aktiviti pertanian. Maka, tidak hairanlah sejak sebelum penjajahan, aspek pemilikan dan guna tanah di Perak khususnya dan negeri-negeri Melayu yang lain telahpun mempunyai peraturannya yang tersendiri kerana kepentingan aktiviti pertanian ini. Dalam hal ini, pandangan sarjana kolonial seperti Maxwell (1884) yang menghujahkan undang-undang adat berkaitan tanah ini dipengaruhi oleh India dan agama Hindu telahpun ditolak oleh sarjana seperti Nik Haslinda yang menganggap hujah Maxwell ini hanyalah bersandarkan kepada pendapatnya bahawa sistem politik kerajaan Melayu awal adalah berasaskan kepada sistem politik kerajaan Hindu. Justeru, amalan pemilikan dan guna tanah masyarakat Melayu turut dihindukan. Sharom (1984) pula menghujahkan bahawa undang-undang Melayu tradisional di kebanyakan negeri, misalnya *Undang-Undang Kedah* dalam Fasal 18 menyebut bahawa, “tanah hak Allah dan sebab sultan merupakan bayangan Allah di dunia maka tanah menjadi hak sultan untuk mengawalnya.” Hal ini menjadikan golongan pemerintah memonopoli pemilikan tanah (Sharom (1984) dipetik daripada Nik Haslinda Nik Hussain, 2011). Pandangan Sharom ini mungkin benar di Kedah iaitu guna tanah pada waktu itu sudahpun mencapai kemuncaknya ekoran perkembangan penanaman padi (perbincangan lanjut, lihat Azman Isa, 2013). Namun, bagi negeri-negeri yang belum mencapai kemuncak dalam penggunaan tanahnya seperti di Perak, tidak ada sebarang halangan dalam hak mengusaha dan mengerjakan tanah serta tidak juga wujud monopoli oleh pihak pemerintah. Hal ini kerana demikian jumlah tanah yang belum diusahakan amat besar jumlahnya berbanding jumlah penduduk yang ada (Maxwell, 1884).

Berbalik kepada hak pemilikan dan penggunaan tanah di Perak yang jelas dipengaruhi oleh *muamalat* Islam, perkara ini dapat dilihat daripada kewujudan fasal-fasal yang merujuk secara khusus ataupun berhubung kait secara tidak langsung dengan aspek tersebut sama ada dalam *Undang-*

Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak mahupun *Undang-Undang Minangkabau* (*Undang-Undang Dua Belas*). Dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, fasal-fasal yang berkait dengan pemilikan dan guna tanah sama ada secara langsung atau tidak langsung adalah fasal 13, 42, 43 dan 44. Dalam *Undang-Undang Minangkabau* pula adalah fasal 57, 60, 61 62, 63, 64, 66. Berdasarkan kepada fasal-fasal yang ada ini, jelas sekali bahawa *Undang-Undang Minangkabau* mempunyai lebih banyak peruntukan yang berkaitan pemilikan dan guna tanah iaitu sebanyak tujuh fasal berbanding *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang mengandungi empat fasal sahaja berkaitan perkara yang sama.⁸

Dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, terdapat dua fasal yang berhubung kait secara langsung dengan pemilikan tanah iaitu fasal 13 dan fasal 43. Fasal 13 adalah berkaitan hak milik tanah dusun. Merujuk kepada hak milik tanah dusun, peruntukan dalam fasal ini masih tetap mengiktiraf hak individu yang mengerjakan atau mengusahakan tanah sekalipun pemiliknya telah berpindah jauh dari dusunnya. Buktinya, fasal ini menetapkan bahawa bagi tanah dusun yang ditanam dengan tanaman buah-buahan misalnya, jika pemiliknya tidak lagi menetap di situ, sesiapa yang tinggal berdekatan boleh menolong untuk menjaga dusun tersebut. Namun, hasil tanaman itu masih perlu dibahagi secara sama rata dengan pemilik dusun. Begitu juga, pemilik dusun yang tinggal berjauhan masih perlu memaklumkan kepada pihak yang menjaga dusun miliknya sekiranya mahu mengambil hasil buah-buahan yang ada tersebut. Menjadi satu kesalahan sekiranya pemilik dusun yang tinggal berjauhan dengan dusunnya mengambil begitu sahaja buah-buahan yang ada tanpa memaklumkan kepada pihak yang membantu menjaga dusunnya. Kesalahan ini boleh didenda sepha emas. Jika pemiliknya meninggal dunia, maka tanah tersebut menjadi hak milik anak perempuannya. Hal ini menonjolkan bahawa dari aspek ekonomi, pemilikan tanah adalah berdasarkan kepada guna tanah iaitu jenis tanaman yang diusahaikan. Maka, bagi tanah dusun hak pemilikan individu yang mengusahakannya adalah diiktiraf sekalipun pemiliknya berpindah dan tidak lagi menetap di situ (Wilkinson, 1929). Fasal ini tidak menyebut langsung bahawa tanah ini akan bertukar hak milik kepada mana-mana pihak khususnya pembesar daerah sekiranya tanah tersebut ditinggalkan dan diabaikan melebih tempoh tertentu. Dalam hal ini,

berdasarkan kepada peruntukan fasal 13 *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, adalah boleh dianggap bahawa tanah tersebut akan kekal menjadi hak milik pemilik asalnya selagi mana pokok-pokok buah-buahan itu kekal hidup dan masih mengeluarkan hasil.

Fasal berikutnya yang berkaitan secara langsung dengan guna tanah dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* adalah fasal 43. Fasal ini adalah berkaitan tatacara penerokaan tanah. Misalnya, fasal ini menetapkan bahawa mana-mana individu dibenarkan untuk membuka dan mengusahakan tanah yang belum lagi diusahakan. Namun, kebenaran ini hanya terpakai jika tanah yang diusahakan itu berada di bahagian atau di sebelah hilir (bawah) tanah yang telah diusahakan oleh orang lain. Bagaimanapun, jika penerokaan tanah di bahagian hilir (bawah) tersebut menyebabkan tanah atau tanaman orang lain di bahagian hulunya (atas) rosak atau musnah, individu terbabit perlu membayar separuh daripada perbelanjaan mengerjakan tanah yang telah dikeluarkan oleh pemilik tanah di bahagian hulu tersebut (Wilkinson, 1929). Hal ini bermaksud, mana-mana individu dibenarkan untuk mengerjakan tanah yang belum diteroka, namun penerokaan itu tidak boleh menyebabkan apa-apa kerosakan dan kemusnahan kepada tanah serta tanaman milik orang lain yang berdekatan dengan tanah yang ingin diusahakannya.⁹

Perundangan berkaitan tanah dusun ini juga terdapat dalam *Undang-Undang Minangkabau*. salah satu fasal yang merujuk kepada pemilikan dan guna tanah adalah fasal 60 iaitu berkaitan tanah dusun. Merujuk kepada fasal ini, bagi tanah dusun yang ditanam dengan pokok buah-buahan (durian, nangka dan manggis misalnya) tetapi telah ditinggalkan dan dibiarkan melebihi tempoh 12 tahun, maka tanah tersebut akan menjadi hak milik pembesar daerah. Fasal ini juga menyebut bahawa setelah tanah dusun ini dibiarkan melebih tempoh 12 tahun, pemilik asalnya tidak boleh menuntut semula tanah tersebut daripada pembesar daerah. Seterusnya, pembesar daerah juga mempunyai kuasa menyerah tanah ini kepada mana-mana pihak yang memohon untuk mengerjakan tanah tersebut. Pemilik tanah yang baharu ini, sekiranya tidak mengusahakan tanah yang diperolehnya tersebut, wajib memberi kebenaran kepada mana-mana pihak yang memohon untuk mengerjakan tanah miliknya (pinta izin tanam-tanaman)

berdasarkan kepada undang-undang Islam dan adat (Winstedt, 1953). Maka, berdasarkan peruntukan fasal ini, pemilik tanah perlu mengerjakan tanah miliknya setelah permohonan ke atas hak milik tanah dipersetujui oleh pembesar daerah. Sekiranya tidak mahu mengusahakan sendiri tanahnya, beliau perlulah memberi kebenaran kepada pihak lain yang memohon untuk mengerjakan tanah tersebut untuk mengelakkan tanah miliknya dipulangkan semula kepada pembesar daerah jika diabaikan melebihi tempoh 12 tahun.¹⁰

Namun, berdasarkan kepada fasal 66 *Undang-Undang Minangkabau*, dapat dihujahkan bahawa ini dalam tempoh 12 tahun tersebut, tanah dusun dan hasil dusun ini masih menjadi hak milik pemiliknya walaupun tanah tersebut dibiarkan atau ditinggalkan,. Bukti, fasal 66 menetapkan bahawa bagi tanah dusun yang dibiarkan, sekalipun telah ditumbuh hutan, tetap dipunya oleh tuannya (pemiliknya) dan hanya hasil buah-buahan dari dusun yang ditinggalkan tersebut sahaja dibenarkan untuk dimakan. namun, menurut fasal ini juga, jika mengikut undang-undang Islam, hasil buah-buahan ini hanya boleh dimakan jika diminta keizinan daripada pemilik tanah. Walau bagaimanapun, sekiranya tanah dusun yang dibiarkan tersebut tidak lagi mempunyai tuan dan warisnya juga tidak dapat ditemui, maka undang-undang adat membenarkan buah-buahan di dusun tersebut itu dimakan oleh individu lain (Winstedt, 1953). Fasal-fasal berikutnya berhubung secara langsung dengan hak milik dan guna tanah dalam *Undang-Undang Minangkabau* adalah fasal 61, 62, 63 dan 64. Fasal-fasal ini adalah berkaitan tanah yang tidak lagi diusahakan dan ditinggalkan oleh pemilik asalnya. Misalnya fasal 61 adalah berkaitan tanah bendang (tanah untuk tanaman padi sawah) yang tidak lagi diusahakan. Menurut fasal 61 ini, bagi tanah bendang yang telah dibiarkan selama lebih tiga tahun, ketua kampung boleh memberikan tanah bendang tersebut kepada pihak lain dan tanah tersebut tidak boleh dituntut semula oleh pemilik asalnya. Sambungan kepada fasal ini adalah fasal 62. Fasal 62 ini merujuk kepada tanah yang diteroka dan dibersihkan untuk ditanam dengan padi huma ataupun hutan berdekatan dengan bukit tinggi yang dibersihkan tetapi kemudiannya tidak diusahakan dan ditinggalkan oleh penerokannya lalu tanah-tanah tersebut ditumbuh hutan. Tanah ini juga boleh diambil oleh ketua kampung untuk diberikan kepada pihak lain. Begitu juga bagi tanah-tanah yang pemilik asalnya telahpun meninggal dunia dan tidak meninggalkan waris seperti

yang diperuntukkan dalam fasal 63. Namun, *Undang-Undang Minangkabau* juga menetapkan bahawa mana-mana individu yang membersihkan tanah yang telah pun diteroka tetapi dibiarkan menjadi hutan, maka tanah tersebut akan menjadi hak milik individu yang baharu membersihkannya seperti yang diperuntukkan dalam fasal 64 (Winstedt, 1958).

Seterusnya adalah fasal-fasal yang berhubung secara tidak langsung dengan pemilikan dan guna tanah. Fasal-fasal tersebut adalah fasal 42 dan 44 bagi *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dan fasal 57 bagi *Undang-Undang Minangkabau*. Ketiga-tiga fasal yang terdapat dalam kedua-dua teks undang-undang negeri Perak ini menonjolkan pengiktirafan terhadap jerih perih penerokaan dan pengeraian tanah oleh mana-mana pihak khususnya dalam memelihara tanah dan tanaman yang diusahakan tersebut daripada dimusnahkan atau dirosakkan oleh haiwan peliharaan seperti gajah, kerbau, kambing dan keldai. Misalnya, fasal 42 *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* menetapkan bahawa, bagi pemilik binatang peliharaan yang bintang peliharaannya memusnahkan tanaman dusun milik individu lain, pemiliknya perlu menggantikan semula tanaman tersebut sebanyak mana yang musnah ataupun membayar denda bersamaan dengan harga tanaman yang dimusnahkan oleh binatang miliknya (Wilkinson, 1929). Fasal 44 *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* pula adalah berkait dengan pemeliharaan tanah ladang (tanah bukit). Berkaitan aspek ini, fasal 44 menetapkan bahawa orang yang berladang perlu membina pagar yang kukuh bagi memastikan binatang peliharaan seperti kerbau tidak boleh memasuki tanah miliknya dan seterusnya memusnahkan tanaman ladangnya. Sekiranya pagar yang kukuh telah dibina, dan binatang yang dipelihara orang lain masih masuk dan memusnahkan hasil ladangnya, maka binatang itu boleh dibunuh. Namun, pemilik binatang itu masih boleh menebus binatang peliharaannya jika mahu membayar sepenuhnya harga tanaman ladang telah dimusnahkan oleh binatang peliharaannya itu. Bagi ladang yang tidak dibina pagar yang kukuh, pemilik haiwan peliharaan hanya perlu membayar separuh sahaja dari hasil ladang yang telah musnah. Sebaliknya, jika binatang peliharaan itu memasuki ladang milik orang lain yang telah dibina pagar dari ladang yang tidak dibina pagar, maka pemilik ladang yang tidak membina pagar perlu membayar 1/3 daripada hasil ladang yang musnah dan pemilik haiwan peliharaan pula dikehendaki

membayar 2/3 (Wilkinson, 1929). Namun, tidak seperti fasal-fasal yang ada dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, peruntukan yang terdapat dalam *Undang-Undang Minangkabau* hanya menyentuh secara ringkas berkaitan kemusnahan tanaman oleh bintang peliharaan ini. Misalnya, fasal 57 *Undang-Undang Minangkabau* menyatakan bahawa mana-mana haiwan peliharaan yang makan hasil tanaman pihak lain dan pemiliknya haiwan ternakan ini telahpun diberi amaran sebanyak tiga kali, maka, haiwan ternakan tersebut boleh dibunuh atau dicederakan tanpa memaklumkan kepada pemiliknya.

Secara keseluruhan, walaupun terdapat sedikit perbezaan dalam fasal-fasal yang berkaitan dengan pemilikan dan guna tanah dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dan *Undang-Undang-Undang Minangkabau*, kedua-dua teks undang-undang ini secara umum mengiktiraf hak setiap individu untuk mengerjakan mana-mana sahaja tanah yang belum diusahakan atau tanah yang tidak lagi mempunyai pemilik. Walau bagaimanapun, penerokaan tanah untuk pertanian tersebut tidak boleh menjelaskan tanah dan tanaman milik orang lain. Dalam hal ini, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* menetapkan bagi tanah ladang, langkah-langkah untuk mengelakkan pencerobohan bintang perlu diambil untuk mengelakkan hasil ladangnya dimusnahkan oleh binatang peliharaan. Jika tiada langkah pencegahan diambil (dalam hal ini membina pagar), maka pemilik ladang hanya boleh menuntut separuh sahaja bayaran untuk tanaman ladang yang musnah. Namun, penetapan yang serupa iaitu pembinaan pagar bagi tanah ladang tidak terdapat dalam *Undang-Undang Minangkabau*. Ringkasnya, kedua-dua teks undang-undang ini menonjolkan pengaruh Islam yang mengiktiraf hak individu untuk memiliki dan mengerjakan tanah dalam memastikan kelangsungan ekonominya yang rata-ratanya terlibat dengan aktiviti pertanian.

Dalam hal ini, kajian oleh sarjana kolonial sendiri iaitu Maxwell (1884) turut mengiktiraf kewujudan dan pengamalan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dan *Undang-Undang Minangkabau* dalam aspek ekonomi masyarakat Melayu sebelum penjajahan khususnya berkaitan aspek pemilikan tanah. Walau bagaimanapun, Maxwell (1884) tidak menyebut langsung pengaruh Islam dalam perbincangannya yang berkaitan

dengan aspek perundangan tanah sebelum penjajahan. Sebaliknya, beliau mengaitkan aspek tersebut dengan undang-undang adat masyarakat Melayu sahaja. Namun, adalah penting untuk ditekankan di sini bahawa pengaruh Islam juga mempengaruhi apa yang Maxwell (1884) anggap sebagai undang-undang adat itu. Misalnya, hujah beliau bahawa hak pemilikan tanah adalah berdasarkan kepada pengeraian tanah serta pembahagian tanah kepada dua iaitu tanah mati dan tanah hidup juga selaras dengan apa yang terkandung dalam fasal 13 *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* serta fasal 61 dan 62 *Undang-Undang Minangkabau*. Sebagai contoh, beliau mengklasifikasikan tanah kampung (dusun) yang ditanam dengan pokok buah-buahan sebagai tanah hidup dan hak pemilikan ke atas tanah ini berterusan selagi pokok buah-buahan ini hidup. Bagi tanah bendang atau tanah tanah sawah, hak pemilikan ke atas tanah tersebut sekiranya tidak diusahakan adalah selama tiga tahun sahaja. Selepas tempoh tersebut, sekiranya tanah tersebut masih tidak diusahakan, maka pemilik asalnya akan kehilangan hak ke atas tanah bendang tersebut (Maxwell, 1884). Berdasarkan kepada penulisan Maxwell (1884), jelas sekali beliau merujuk kepada *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dan *Undang-Undang Minangkabau* dalam membincangkan aspek perundangan tanah masyarakat Melayu sebelum penjajahan. Namun, aspek perbincangan beliau adalah bagi membuktikan pengaruh adat dan budaya dalam aspek pemilikan tanah masyarakat Melayu dan tidak mengaitkan pemilikan tanah ini dengan kehidupan ekonomi masyarakat Melayu.

KESIMPULAN

Pengaruh muamalat Islam yang dapat dibuktikan daripada teks-teks undang-undang Melayu tradisional sebenarnya turut merangkumi aspek ekonomi masyarakat Melayu tradisional sebelum penjajahan British. Sememangnya tidak dinafikan bahawa wujud percampuran antara undang-undang adat dalam teks undang-undang Melayu tradisional ini, tetapi untuk menafikan terus wujudnya pengaruh Islam dan teks-teks ini juga adalah sesuatu yang tidak berasas. Misalnya, berkaitan aspek ekonomi, fasal-fasal yang terdapat dalam dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dan *Undang-Undang Minangkabau* menepati muamalat Islam yang mementingkan keadilan dan hubungan manusia dengan manusia yang

lain. Maka, peruntukan-peruntukan perundangan yang merangkumi aspek ekonomi dalam teks undang-undang yang ada ini sentiasa menitikberatkan hubungan dua hala pihak yang terlibat dengan sebarang pertikaian atau permasalahan yang timbul. Tambahan pula, teks undang-undang Melayu tradisional yang ada ini, walaupun agak berbeza antara sesuatu negeri dengan negeri yang lain, teks undang-undang inilah yang menjadi dasar kepada pelaksanannya undang-undang dan penginstitusian Islam melalui kewujudan Majlis Agama Islam yang ada di setiap negeri pada hari ini.

NOTA AKHIR

- ¹ Sebenarnya, setiap negeri-negeri Melayu mempunyai undang-undang yang berbeza terhadap kesalahan yang sama khususnya bagi hukum-hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran dan hadis. Hal ini kerana selain daripada al-Quran dan hadis, pembentukan undang-undang ini juga tidaklah menolak kebolehan dan kebijaksanaan berfikir (penggunaan akal yang waras) serta adat selagi mana undang-undang yang digubal itu berteraskan kepada dalil-dalil daripada al-Quran, hadis, ijma' dan qiyas. Melihat kepada kepentingan akal dalam penggubalan dan pelaksanaan undang-undang serta aspek pentadbiran, maka tidak hairanlah *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dan *Undang-Undang Minangkabau* (Undang-Undang Dua Belas) menitikberatkan ciri-ciri penting seseorang raja, para pembesar dan hakim adalah baik budi bicaranya, adil serta bijaksana. Hal ini dapat dilihat pada fasal 11, 22, 25, 72 dan 99 *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dan fasal 26-32 ('akal) *Undang-Undang Minangkabau* (Undang-Undang Dua Belas).
- ² Keturunan sayyid ini dipercayai berhijrah dari tempat asalnya ke Afrika dan India dahulu. Kemudian, dari India, golongan ini berhijrah pula ke Kepulauan Melayu atau Nusantara. Penghijrahan golongan sayyid di Kepulauan Melayu atau Nusantara ini dipercayai bermula sekurang-kurangnya sejak tahun kurun ke-7 Masihi berdasarkan kepada bukti kewujudan petempatan golongan ini di pantai barat, Sumatera. Namun penghijrahan golongan ini dalam jumlah yang besar di Kepulauan Melayu atau Nusantara hanya berlaku pada kurun ke-17 Masihi dan selepasnya (Mohamad Hazizie, 2020).
- ³ Namun, Winstedt (1958) berhujah bahawa teks ini dibawa masuk ke Perak pada kurun ke-17. Pandangan ini dipersetujui oleh kebanyakan sarjana yang membincangkan teks ini misalnya, Jelani (2003), Haji Hairuddin (2009) dan Suria Fadhillah *et al.* (2015). Hanya Mohamad Hazizie yang menghujahkan bahawa teks ini dibawa masuk ke Perak satu kurun lebih awal iaitu pada kurun ke-16 Masihi. Pandangan Mohd Hazizie (2020) adalah lebih tepat kerana pada bahagian pengenalan Bahagian II *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, ada dicatatkan bahawa teks ini dibawa masuk semasa pentadbiran Sultan Ahmad Tajuddin yang merupakan sultan yang memerintah Perak pada kurun ke-16 iaitu bagi tahun 1577 sehingga 1585. Berdasarkan kepada catatan tersebut, dapat dibuktikan bahawa teks undang-undang ini dibawa masuk ke Perak pada kurun ke-16 Masihi.

- ⁴ Hujah Winstedt (1953) bahawa ciri-ciri matriarki yang sangat ringan dalam teks *Undang-Undang Minangkabau* berbanding dengan ciri-ciri matriarki yang diamalkan di Minangkabau dan di Negeri Sembilan adalah disebabkan kehadiran *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang sedikit lebih awal di Perak berbanding *Undang-Undang Miangkabau* menonjolkan bahawa pentadbiran Perak pada waktu ini sangat berhati-hati dalam sebarang pengenalan sebarang perundangan baharu, Hal ini demikian kerana selain menitikberatkan keadaan politik dan amalan sosial negeri, pengenalan perundangan baharu itu juga tidak seharusnya terlalu berbeza atau sangat bertentangan dengan perundangan sedia ada.
- ⁵ *Hukum Kanun Melaka* dipercayai mula digubal pada zaman Sultan Muhammad Shah (1424M-1444M) dan diperaktikkan dalam pentadbiran negeri pada zaman Sultan Muzaffar (1445M-1458M). Kemudian, *Hukum Kanun Melaka* ini ditambah baik lagi pada zaman Sultan Mahmud Shah (1489M-1511M). *Hukum Kanun Melaka* merupakan antara bukti penting kewujudan pengaruh Islam dalam perundangan Negeri-Negeri Melayu. Hal ini kerana, undang-undang yang digubal supaya selaras dan bersesuaian dengan hukum Islam ini bukan hanya diguna pakai di negeri Melaka, tetapi juga negeri-negeri Melayu lain yang turut menjadi jajahan takluk Melaka (lihat Zanirah Mustafa@Busu, Suhaida Abu Bakar & Affendi Ismail, 2015). Hujah ini adalah berdasarkan kepada kewujudan salinan teks ini yang ditemui di Riau, Pahang, Pontianak dan Brunei Darussalam. Lihat, Winstedt (1958).
- ⁶ Hasnan Kasan (2006) turut melihat teks-teks undang-undang Melayu tradisional ini sebagai pemangkin dan teras kepada kewujudan dan pengemas kinian institusi Islam di negeri-negeri Melayu melalui penubuhan majlis agama Islam di setiap negeri berserta dengan bidang tugas dan tanggungjawab majlis-majlis agama ini kepada masyarakat.
- ⁷ Dalam dunia moden hari ini, syariat Islam sendiri dalam bidang umumnya memiliki dasar-dasarnya seperti mudah, mengurangkan bebanan, seimbang, sesuai dengan keperluan semasa, dan persamaan serta keadilan (Tho'in, 2016). Syariah Islam juga sangat menjaga kemaslahatan umatnya dalam pematuhan kepada hukum-hukum pelaksanaan aktiviti muamalat (Budiono (2017) dipetik daripada Hamidi Abdul Ghani & Nasron Yaacob, 2021).
- ⁸ Walaupun merujuk atau membincangkan perkara yang sama, terdapat beberapa perbezaan sama ada berkaitan hukuman mahupun perincian peruntukan dalam kedua-dua undang-undang tersebut.
- ⁹ Dalam *Undang-Undang Minangkabau*, tidak ditemui sebarang fasal yang boleh dikaitkan dengan tatacara penerokaan tanah baharu ini iaitu berkaitan tanah yang dibenarkan atau tidak dibenarkan untuk diteroka.
- ¹⁰ Peruntukan fasal 60 *Undang-Undang Minangkabau* yang menetapkan tempoh tertentu hak milik bagi tanah dusun yang dibiarkan ini adalah berbeza dengan fasal 13 *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang tidak menetapkan tempoh hak milik tertentu tanah dusun yang tidak diusahakan dan ditinggalkan oleh pemilik asalnya.

RUJUKAN

- Azman Isa. (2013). Perkembangan undang-undang dan pentadbiran tanah di Kedah, 1667-1965. Tesis PhD. (Tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Haji Hairuddin. (2009). Undang-Undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Kewajarannya berdasarkan faktor sejarah perundungan Tanah Melayu. *REKAYASA- Journal of Ethics Legal and Governance*, 5, 22–47.
- Hamidi Abdul Ghani & Nasron Yaacob. (2021). Prinsip-prinsip syariah dalam aktiviti muamalat. *RABBANICA- Journal of Revealed Knowledge*, 2(1), 111–140.
- Hasnan Kasan. (2006). Penginstitusian pentadbiran hukum syarak di Semenanjung Malaysia. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 24, 173–189.
- Jelani Harun. (2003). Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak: Menara kebesaran adab hubungan Raja dengan menteri. *Jurnal Peradaban Melayu*, 1, 165–183.
- Jelani Harun. (2008). Kajian naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London. *Sari*, 26, 127–148.
- Jelani Harun *et al.* (2021). *Undang-Undang Adat Negeri Kedah abad ke-19 milik Ku Din Ku Meh*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Maxwell, W. E., (1884). The law and customs of the Malays with reference to the tenure of land. *JSBRAS*, 13, 75–220.
- Mohamad Hazizie Sulkafe. (2020). The sayyids of Perak: A preliminary study on their origin and influences in the Perak society. *Sejarah: Journal of the department of history*, 29(2), 37–56. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol29no.2.3>
- Nik Haslinda Nik Hussain. (2011). *Pentadbiran kolonial dan isu pemilikan tanah di Kelantan 1881-1941*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Suria Fadhillah Md Pauzi, Azniza Ahmad Zaini & Mohd Azmi Nias Ahmad. (2015). Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak: Warisan Persuratan Melayu negeri Perak [Kertas Persidangan]. *Konferensi Akademik KONAKA*, Kuantan, Pahang.
- St. Saleha Madjid. (2018). Prinsip-prinsip (asas-asas) muamalah. *Jurnal Hukum Ekonomi Syariah*, 2(1), 14–28. <https://doi.org/10.26618/j-hes.v2i1.1353>
- Wilkinson, R. J. (1929). *Papers on Malay subjects: Law part II: The ninety-nine laws of Perak*. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press.
- Winstedt, R. (1958). A history of classical Malay Literature. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 31(3)(183), 3–259.
- Winstedt, R. O. (1945). Old Malay legal digests and Malay customary law. *The Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland*, 1, 17–29.
- Winstedt, R. (1953). An old Minangkabau legal digest from Perak. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 26(1)(161), 1–13.

Zanirah Mustafa@Busu, Suhaida Abu Bakar & Affendi Ismail. (2015). Hukum Kanun Melaka dari aspek undang-undang kekeluargaan. [Kertas Persidangan]. *ICOMHAC2015 eproceedings*, Pulau Langkawi, Kedah.

SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM). Bidang pengkhususan beliau ialah sejarah sosioekonomi Malaysia.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)